



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN LOMPAT PARTI DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI MALAYSIA: KAJIAN TINJAUAN KEPADA MAHASISWA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ZULAIKA BINTI NORHISAM

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN LOMPAT PARTI DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI
MALAYSIA: KAJIAN TINJAUAN KEPADA MAHASISWA UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

ZULAIKA BINTI NORHISAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENULISAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT-
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA
DENGAN PENDIDIKAN**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|

PENGAKUAN

"Saya mengaku bahawa penulisan ilmiah ini adalah hasil karya saya yang asli
melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan

: 

Nama Pelajar

: Zulaika binti Norhisam

Nombor Matrik

: D20191089808

Tarikh Penyerahan

: Februari 2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek ilmiah ini disediakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Pihak Jabatan Pengajian Malaysia (JPM), Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyediaan Projek Ilmiah ini

FEBRUARI 2023



DISCLAIMER

This academic project is prepared here in partial fulfilment of requirements for Bachelor Degree of Malaysian Studies with Education by Sultan Idris Education University, Tanjong Malim. The Department of Malaysian Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim from third party with regards of productions of this Academic Project Paper.

FEBRUARY 2023





SURAT KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN



FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

35800 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA

TEL: +605 450 6000 / 450 6661
FAX: + 605 4582778
EMAIL: ccd@upsi.edu.my

Rujukan Kami: UPSI/FSK/AD4/403
Tarikh:

RESPONDEN:

MAHASIWA UNIVERSITI

PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN MEMBUAT RUJUKAN DAN PENYELIDIKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa (nama pelajar)
ZULAIKA BINTI NORHISAM (No. Matrik. **20191089809**) merupakan pelajar di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Kursus/ Program **PAJAKAN MALAYSIA DENGAN PENDIDIKAN** peringkat *Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah.
3. Bagi melancarkan pembelajaran di Fakulti, pihak kami ingin memohon kebenaran dari tuan agar pelajar ini dapat membuat rujukan dan penyelidikan di tempat tuan.
4. Sebarang pertanyaan, tuan boleh menghubungi nombor telefon pelajar ini iaitu **011-34601403** atau talian berikut:-

BIL	PROGRAM	TALIAN
1.	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah)	05-450 5070
2.	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi)	05-450 6915
3.	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam)	05-450 5040
4.	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral)	05-450 5007
5.	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan	05-450 6320
6.	Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah	05-450 5043

Sekian, segala kerjasama yang diberikan oleh tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**'PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'UPSI NO. 1 PENDIDIKAN'**

Saya yang menjalankan amanah,



UPSI
No.1
PENDIDIKAN





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan izinnya, saya dapat menyiapkan tesis dengan jayanya bagi memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan (AT 58).

Di kesempatan ini saya ingin mengungkapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Dr. Norazlan Hadi bin Yaacob kerana banyak membimbang saya menulis sebuah penulisan keramat ini sehingga ke akhirnya. Tanpa dorongan dan bimbingan beliau, saya tidak mungkin dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Terima kasih kepada Dr. kerana banyak memberikan nasihat dan bantuan sepanjang menulis tesis ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh ahli keluarga saya terutama kedua orang ibu bapa saya, Norhisam bin Mamat @ Lateh dan Ramuna binti Ibrahim atas dorongan yang tak putus-putus buat anakanda semenjak anakanda menjakkan kaki ke universiti bertuah ini. Ribuan terima kasih juga saya berikan kepada rakan saya, Nurul Shafyna binti Jupri, Ida Suraya binti Mohd. Sabirin dan Shazatul Fazlina binti Rosnizai kerana banyak memberikan sokongan moral dalam bersama-sama mencapai impian untuk bergraduat dan berjuang bersama-sama.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pensyarah di Jabatan Pengajian Malaysia, penasihat akademik iaitu Encik Mohamad Basri bin Jamal yang selalu bertanyakan khabar dan mengikuti perkembangan saya sepanjang saya menjadi mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan penulisan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih kerana membantu saya dari awal sehingga ke akhir perjuangan.





ABSTRAK

Amalan lompat parti telah lama berakar umbi dalam politik Malaysia dan semakin kerap berlaku sehingga kini. Namun, kesedaran masyarakat terhadap isu ini masih lagi sederhana. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengkaji tahap kefahaman mahasiswa terhadap amalan lompat parti yang berlaku di Malaysia dengan mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa terhadap amalan lompat parti di Malaysia, mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa dan menganalisis kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kajian tinjauan menerusi instrumen soal selidik untuk mengutip data. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dipilih secara rawak. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi mendapatkan nilai min, kekerapan dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan nilai purata min bagi tahap kefahaman mahasiswa terhadap amalan lompat parti di Malaysia ialah sebanyak 4.21 iaitu pada tahap tinggi. Bagi dapatan kajian objektif kedua faktor yang mempengaruhi amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa mendapat nilai min sebanyak 4.18 iaitu pada tahap tinggi manakala dapatan bagi objektif terakhir iaitu kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa mencapai nilai min sebanyak 4.33 iaitu tinggi. Kesimpulannya, majoriti mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap amalan lompat parti yang berlaku di Malaysia ini dan kajian ini berperanan untuk mengukur tahap kefahaman politik mahasiswa melalui pengetahuan mengenai lompat parti ini.

Kata Kunci: lompat parti, perspektif, kefahaman, mahasiswa, UPSI





ABSTRACT

The practice of party hopping has been rooted in Malaysian politics for a long time and is becoming more frequent until now. However, public awareness of this issue is still modest. Therefore, this study was conducted to study about the level of understanding of students towards the practice of party hopping that occurs in Malaysia by identifying the level of understanding of students towards the practice of party hopping in Malaysia, examining the factors that affect the practice of party hopping from the perspective of students and analyzing the effects of the practice of party hopping to political development from the perspective of students. This study uses a quantitative method which is a survey study through a questionnaire instrument to collect data. The study sample consisted of 100 students at Sultan Idris University of Education who were randomly selected. Descriptive statistical analysis was used to obtain the mean value, frequency and percentage. The findings of the study show that the average mean value for students level of understanding of the practice of party hopping in Malaysia is 4.21, which is at a high level. For the findings of the second objective study, which is the factors that affect the practice of party hopping from the perspective of students, the mean value is 4.18, which is at a high level, while the findings for the last objective, which is the effect of the practice of party hopping on political development from the perspective of students, has a mean value of 4.33, which is high. In conclusion, the majority of students at Universiti Pendidikan Sultan Idris have a high level of understanding of the practice of party jumping that occurs in Malaysia and this study serves to measure the level of political understanding of students through knowledge about party hopping.

Keywords: party hopping, perspective, understanding, politics, students, UPSI





KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN	i
TUNTUAN PIHAK KETIGA	ii
SURAT KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii - x
SENARAI JADUAL	xi - xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1 - 3
1.1 Latar Belakang Kajian	4 - 10
1.2 Permasalahan Kajian	11 - 12
1.3 Persoalan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Skop Kajian	14 - 16
1.6 Kepentingan Kajian	16 - 17
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 Amalan Lompat Parti	17
1.7.2 Ahli Politik	18
1.7.3 Perspektif	18





1.7.4 Mahasiswa	19
1.8 Organisasi Bab	20 - 21

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22 - 23
2.2 Kajian-kajian Literatur	24
2.2.1 Perkembangan Politik di Malaysia	24 - 29
2.2.2 Amalan Lompat Parti dalam Kalangan Ahli Politik di Luar Negara	30 - 34
2.2.3 Amalan Lompat Parti dalam Kalangan Ahli Politik di Malaysia	35 - 40
2.3 Analisis Teoritikal	41
2.3.1 Teori Konflik	41 - 43
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	44
2.5 Kesimpulan	45



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47 - 50
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	50 - 52
3.4 Instrumen Kajian	52
3.4.1 Borang Soal Selidik	53 - 55
3.4.2 Sumber Sekunder	55
3.5 Analisis Data	56 - 57
3.6 Penutup	57





BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Analisis Data	
4.3	Analisis Bahagian A: Demografi Responden	59 - 63
4.4	Analisis Bahagian B: Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti di Malaysia	64 - 66
4.4.1	Perbandingan antara Jantina bagi Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti	67 - 74
4.4.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti	75 - 85
4.5	Analisis Bahagian C: Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	86 -88
4.5.1	Perbandingan antara Jantina bagi Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	89 - 95
4.5.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	96 - 104
4.6	Analisis Bahagian D: Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	105 - 107
4.6.1	Perbandingan antara Jantina bagi Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	108 - 113
4.6.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	114 - 122
4.7	Rumusan	123





BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	124
5.2 Ringkasan Kajian	125 - 126
5.3 Perbincangan Kajian	
5.3.1 Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti di Malaysia	127 - 128
5.3.2 Faktor Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	129 - 130
5.3.3 Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	131 - 132
5.4 Implikasi dan Hala Tuju Kajian	133
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	134



LAMPIRAN

141 - 147





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Nama Ahli Lompat Parti pada PRU Ke-14	8 - 9
3.1	Contoh Skala Likert bagi 5 Poin	54
3.2	Skala Skor Min dan Interpretasi	56
4.1	Senarai Maklumat Demografi Responden	60 - 61
4.2	Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti di Malaysia	64 - 65
4.2.1	Perbandingan antara Jantina bagi Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti di Malaysia	67 - 68
4.2.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Tahap Kefahaman Mahasiswa Terhadap Amalan Lompat Parti di Malaysia	75 - 79
4.3	Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	86 - 87
4.3.1	Perbandingan antara Jantina bagi Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	89 - 90





4.3.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Faktor yang Mempengaruhi Amalan Lompat Parti dari Perspektif Mahasiswa	96 - 99
4.4	Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	105 - 106
4.4.1	Perbandingan antara Jantina bagi Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	108 - 109
4.4.2	Perbandingan antara Fakulti bagi Kesan Amalan Lompat Parti Terhadap Pembangunan Politik dari Perspektif Mahasiswa	114 - 117





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Peta Universiti Pendidikan Sultan Idris	15
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	44
3.1 Reka Bentuk Kajian	49
3.2 Data Enrolmen Pelajar Program Sarjana Muda Universiti Awam 2020 - 2021	51
3.3 Hasil Kiraan Sampel Kajian	52





SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AP	Ahli Parlimen
BN	Barisan Nasional
IPTA	Universiti Pendidikan Sultan Idris
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
PBS	Parti Bersatu Sabah
PH	Pakatan Harapan
PN	Perikatan Nasional
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UMNO	United Malays National Organisation





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

A1

Lampiran Soal Selidik

141 - 147



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Sistem pemerintahan merupakan suatu cara dalam mengatur setiap aspek dalam pentadbiran di sebuah negara. Sistem pemerintahan ini berperanan dalam menentukan setiap elemen seperti politik, ekonomi, pembangunan sosial dan sebagainya bagi menjaga kestabilan pentadbirannya. Setiap negara mempunyai cara dan gaya pemerintahan yang berbeza dan juga unik termasuk Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan secara demokrasi berparlimen. Menurut Junaidi et al., (2021, p. 471) mengatakan bahawa demokrasi berparlimen yang dijalankan di Malaysia yang memperuntukkan parti-parti politik memenangi majoriti mudah daripada kerusi yang dipertandingkan bagi memilih wakil rakyat di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN).





Seseorang wakil rakyat yang dipilih oleh masyarakat seharusnya mempunyai personaliti yang mampu menarik perhatian rakyat dan menjadi ikon kepada rakyat bagi menyakinkan para pengundi untuk menyerahkan amanah kepada mereka bagi menggalas tanggungjawab yang besar ini dan ia mempunyai kaitan rapat dengan politik. (Atory, 2010, p. vii). Menurut Malike et al., (2013, p. 92) mengatakan pilihan raya amat penting bagi memilih siapa yang akan memerintah kerajaan pada masa hadapan dan wakil rakyat yang dipilih tidak mengira ideologi politik bertanggungjawab melaksanakan tugasnya sebagai wakil di sesuatu kawasan itu. Melalui peranannya sebagai wakil rakyat, wakil rakyat berfungsi untuk menyampaikan hal ehwal rakyat dan mewakili rakyat di Parlimen. Jika rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh wakil rakyat ini, maka, adalah pilihan rakyat untuk membuang undi untuk memilih wakil rakyat berkenaan.



Pilihan raya pertama kalinya diadakan di Tanah Melayu adalah pada tahun 1951. Menurut Ramlah (2003, p. 1-2), pilihan raya ini dijalankan pada peringkat perbandaran sejurus sahaja sebuah akta iaitu Akta Majlis Berkuasa Tempatan berkuat kuasa pada tahun 1950. Pilihan Raya Bandaran 1951 ini diadakan bertujuan untuk memberi pengalaman kepada seluruh penduduk Tanah Melayu pada ketika itu bagi memilih kerajaan yang akan mentadbir negara Malaysia. Pada Februari 1952, Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur diadakan dan ia bukan sekadar memberi pengalaman kepada rakyat namun satu perikatan politik telah terjalin antara parti-parti perkauman iaitu *United Malays National Organisation* (UMNO) dan *Malaysia Chinese Association* (MCA). Pilihan Raya Umum (PRU) pertama yang dijalankan di Malaysia atau Tanah Melayu sebelum kemerdekaan terdahulu pada tahun 1952, ia menjadi satu batu loncatan atau “*benchmark*” yang melihat Tanah Melayu ketika itu mampu





menjalankan pemerintahannya sendiri. Kerana pada ketika itu Tanah Melayu belum lagi mendapat kemerdekaan oleh kerajaan British dan pentadbirannya masih lagi terhad. Pemerintah Tanah Melayu pada ketika itu masih tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh pihak British dan ini bermakna Tanah Melayu pada ketika itu tidak mampu menjalankan pemerintahannya secara bebas dan tersendiri.

Melihat kepada proses pilihan raya yang dijalankan, ia mempunyai kaitan rapat dengan konsep Demokrasi Berparlimen yang diguna pakai dalam sistem pentadbiran di Malaysia. Konsep ini diambil daripada *British Westminster* di mana ia mengamalkan *separation of powers* (pembahagian kuasa) terhadap tiga badan utama iaitu badan kehakiman, badan perundangan dan badan eksekutif. Ketiga-tiga badan ini berfungsi untuk melicinkan pentadbiran kerajaan. (Abdul Aziz, 2005). Demokrasi berparlimen yang diamalkan ini amat penting untuk menjalankan pemerintahan tanpa mengamalkan aspek pertindihan kuasa. Wakil rakyat yang dipilih pada setiap kali pilihan raya ini berfungsi untuk menyeimbangi kuasa eksekutif melalui "*check and balance*". Menurut Shamrahayu (2018) demokrasi ialah kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Penyataan ini berkait rapat dengan penggunaan konsep demokrasi itu sendiri. Dalam konteks sistem pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, rakyat berhak mengundi wakil rakyat pilihannya mengikut kawasan setempat sahaja dan bukannya memilih ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri secara langsung. Dalam demokrasi, rakyat berkuasa dalam menentukan pemerintahan melalui Pilihan Raya (Lijphard, 1984). Sistem ini sendiri menjadi faktor kepada berlakunya isu dalam arena politik di mana dapat dilihat bahawa kuasa persekutuan melebihi berbanding kuasa negeri. Konsep demokrasi berparlimen yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ini mendorong kepada berlakunya amalan lompat parti kerana pembentukan kerajaan adalah berdasarkan





wakil rakyat yang memenangi kerusi di Parlimen dan bukannya memilih kerajaan dan Perdana Menteri secara langsung.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sebenarnya amalan lompat parti yang berlaku ini bukanlah satu perkara yang baru di luar negara. Telah banyak kes lompat parti yang berlaku di negara luar dan kita mengambil contoh beberapa buah negara seperti di Kanada dan Afrika Selatan. Di negara luar, istilah lompat parti ini digelar sebagai *floor-crossing* atau juga digelar sebagai *party hopper* (National Post, 2018). Mengambil contoh di negara Kanada, seorang ahli parlimen di Nova Scotia iaitu Stewart Campbell telah mencipta sejarah sebagai orang pertama di Kanada yang melakukan lompat parti ini. Beliau telah menjadi orang pertama yang menukar parti (lompat parti) di Kanada pada tahun 1868 dari parti Anti-Konfederasi kepada parti Liberal-Konservatif. Stewart pada awalnya merupakan anti kepada parti gabungan (Anti-Konfederasi) telah memutuskan untuk beralih kepada parti gabungan iaitu parti Liberal-Konservatif di mana parti ini lebih menumpukan kepada bebas dan bertujuan untuk memajukan pembangunan masyarakat (Global News, 2015).

Setelah 147 tahun berlalu, semakin ramai ahli parlimen telah melakukan amalan lompat parti ini. Kira-kira seramai 270 orang ahli parlimen di Kanada telah menukar parti politik mereka ke parti politik yang lain (Global News, 2015). Sebagai contoh, Eve Adams menjadi ahli parlimen yang ke-271 yang berbuat sedemikian. Pada tahun 2015, Eve Adams merupakan ahli parlimen di Brampton South, Kanada telah diberikan





pilihan sama ada beliau menukar ke parti politik yang lain atau menjadi ahli parlimen bebas (tidak tertakluk di bawah mana-mana parti politik). Eve Adams pada akhirnya memilih untuk menukar parti kepada Parti Liberal kerana ingin mengikuti jejak langkah Justin Trudeau iaitu Perdana Menteri Kanada. Isu lompat parti ini merupakan isu kontroversi yang berlaku dalam dunia politik ini. Namun, boleh dikatakan juga bahawa amalan lompat parti atau *floor crossing* ini menjadi fenomena biasa bagi ahli parlimen di sana. Fenomena ini biasa berlaku setiap kali ahli parlimen memutuskan untuk beralih angin ke parti yang berbeza (National Post, 2015).

Selain Kanada, di Afrika Selatan juga sering mendapat kontroversi di mana isu lompat parti dilakukan secara beramai-ramai dan menyebabkan berlakunya pertelingkahan politik. Menurut Susan (2011, p. 261-262), pada tahun 2000 sehingga 2007 merupakan kemuncak di mana kebanyakkan ahli parlimen bertindak menukar parti mereka kepada parti politik yang lain. Tindakan ini dianggap sebagai pembelotan kerana pendirian yang tidak tetap dalam kalangan wakil rakyat ini telah mengundang keraguan dalam kalangan rakyat di Afrika Selatan. Perkara ini akhirnya mendorong kepada penggubalan undang-undang mengenai anti lompat parti ini dan ia termaktub di dalam Perlembagaan mereka di mana *anti-defection laws* telah berkuat kuasa pada tahun 2009 iaitu dua tahun selepas kemuncak berlakunya lompat parti di Afrika Selatan. Undang-undang ini termaktub di dalam Perlembagaan Zimbabwe 2013 pada *Article 41. Tenure of Seats of Members* bagi menghalang daripada berlakunya amalan lompat parti terjadi lagi pada masa hadapan (Constitute Project, 2013).

Isu lompat parti di kedua-dua buah negara ini menjadi perhatian ramai kerana ia melibatkan pergolakan politik sehingga menyebabkan pihak kerajaan mengambil





langkah untuk membendung amalan lompat parti ini. Kedua-dua buah negara bertindak menguatkuasakan *floor-crossing law* yang digazetkan. Di Malaysia juga mempunyai isu berkaitan amalan lompat parti yang berlaku seawal tahun 1959 lagi. Amalan lompat parti telah berlaku di Malaysia semenjak tahun 1959 lagi di mana ahli politik dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS) seperti Azzam Hanafiah (ADUN Jeram), Mohd Taib Sabri Abu Bakar (DUN Terengganu) dan Abas Mohamad (Ahli Dewan Negara) pada ketika itu telah berpaling tadah kepada parti pihak lawan di Kelantan dan Terengganu pada waktu itu (Hansard Dewan Rakyat, 2022, p. 57-58). Hasilnya, kerajaan mereka tumpas pada tahun 1960-an setelah mereka melompat parti. Pada tahun 1969 di mana peristiwa berdarah 13 Mei 1969 juga mempunyai kaitan yang rapat dengan politik di Malaysia.

Pada pilihan raya tahun 1969, UMNO telah kalah di beberapa kawasan seperti di Selangor, Perak dan juga Pulau Pinang. Parti *Democratic Action Party* (DAP) yang pada ketika itu baru sahaja bertanding pada Pilihan Raya 1969 juga melakukan lompat parti kerana kemelut yang berlaku ini (Hansard Dewan Rakyat, 2022). Selain itu, isu lompat parti juga berlaku di Sabah pada tahun 1985 oleh Joseph Pairin Kitingan iaitu pengasas kepada Parti Bersatu Sabah (PBS). Isu yang berlaku pada 1985 melibatkan Pairin di mana beliau mengetengahkan isu berkaitan Kadazan-Dusun mengakibatkan dia telah dipecat daripada parti PBS. Ia mempunyai kaitan rapat dengan pilihan raya negeri (PRN) yang diadakan pada 1994 yang menunjukkan pembelotan Pairin terhadap Barisan Nasional pada ketika itu (Malaysia Kini, 2020).

Perkembangan politik di Malaysia sedikit sebanyak mencorakkan sistem pemerintahan di negara ini. Konsep demokrasi yang diamalkan ini juga mempengaruhi arena politik dalam kalangan masyarakat. Amalan lompat parti di Malaysia ini





bukanlah satu perkara yang baharu berlaku. Menurut Noor Mohamad (2018) mengatakan bahawa budaya menukar parti atau keluar dari parti serta mengisyiharkan diri sebagai wakil rakyat bebas merupakan budaya yang semakin menjadi-jadi. Isu lompat parti ini sebenarnya sudah lama berlaku di Malaysia namun segalanya berubah sejak Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 dijalankan pada tahun 2018. Di sini merupakan titik perubahan dan menjadi sejarah pertama parti Barisan Nasional telah ditewaskan oleh parti Pakatan Harapan (PH). Sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 ini, amalan lompat parti ini pernah dilakukan pada tahun 1990 melibatkan ahli politik Barisan Nasional telah menukar parti politik ke parti yang baru ditubuhkan iaitu Pakatan Rakyat (Muhsin Umar Abd Razak, 2012). Akan tetapi, Pilihan Raya Umum ke-14 ini memberikan tamparan hebat kepada arena politik di Malaysia pada tahun itu. Di dalam penulisan Mohd. Hisyham (2012) iaitu *Nomadisme – Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-14* menuliskan tentang isu hangat tentang berlakunya iaitu amalan lompat parti. Amalan lompat parti ini berlaku setelah parti Barisan Nasional telah gagal mendapat majoriti mudah sebanyak 112 daripada 222 buah kerusi di Parlimen.

Perubahan ini telah menyebabkan Barisan Nasional telah gagal menjadi kerajaan dan pemerintahan Malaysia telah dikuasai oleh Pakatan Harapan. Kekalahan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-14 ini menjadi bahang di dalam gelanggang politik kerana ia merupakan kemuncak pengakhiran pemerintahan hegemoni setelah 63 tahun ini. Kejatuhan Barisan Nasional ini menjadi punca utama kepada berlakunya amalan lompat parti dalam kalangan wakil rakyat di bawah parti ini. Dapat dilihat juga ramai ahli politik dari parti Barisan Nasional terutamanya telah melakukan lompat parti pada Pilihan Raya Umum 2018 ini. Beberapa siri lompat parti





berlaku di dalam kalangan wakil rakyat seperti mana Jadual 1.2 menunjukkan antara wakil rakyat yang bernaung di bawah parti Barisan Nasional telah melakukan lompat parti ke parti politik yang lain.

Jadual 1.1 Senarai Nama Ahli Politik Lompat Parti pada PRU Ke-14

Bil.	Nama	Parti Asal	Parti Terkini
1.	Mustapa Mohamed (AP Jeli)	UMNO	PPBM
2.	Anifah Aman (AP Kimanis)	UMNO	Bebas
3.	Mas Ermieyati Samsudin (AP Masjid Tanah)	UMNO	PPBM
4.	Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal (AP Bukit Gantang)	UMNO	Bebas
5.	Noor Azmi Ghazali (AP Bagan Serai)	UMNO	PPBM
6.	Rosol Wahid (AP Hulu Terengganu)	UMNO	PPBM
7.	Abdul Latiff Ahmad (AP Mersing)	UMNO	Bebas
8.	Shabudin Yahaya (AP Tasik Gelugor)	UMNO	Bebas
9.	Mohamad Fasiah Mohd Fakeh (AP Sabak Bernam)	UMNO	Bebas
10.	Hamzah Zainudin (AP Larut)	UMNO	Bebas
11.	Ikmal Hisham Abdul Aziz (AP Tanah Merah)	UMNO	Bebas
12.	Zainol Fadzi Paharuddin (ADUN Sungai Manik)	UMNO	PPBM
13.	Rasman Ithnain (ADUN Sedili)	UMNO	PPBM
14.	Rosleli Jahari (ADUN Johor Lama)	UMNO	PPBM
15.	Alawiyah Talib (ADUN Endau)	UMNO	PPBM



16.	Abdul Muis Picho (ADUN Sebatik)	UMNO	Warisan
17.	Hamisa Samat (ADUN Tanjung Batu)	UMNO	Warisan
18.	Osman Jamal (ADUN Balung)	UMNO	Warisan
19.	Jamawi Jaafar (ADUN Kemabon)	UMNO	Warisan
20.	Ewo Benedict (ADUN Kadamaian)	UPKO	Warisan
21.	Abidin Madingkir (ADUN Paginatan)	UPKO	Warisan
22.	Rozlan Isli (AP Labuan)	UMNO	Warisan

Sumber: Mohd Hisyam Mohd Salleh (2018)

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas menunjukkan antara beberapa orang ahli politik dari parti UMNO terutamanya yang melakukan lompat parti ketika Pilihan Raya Umum ke-14 dilaksanakan. Amalan lompat parti yang berlaku ini dilihat berlaku kerana kuasa persekutuan (*federal*) melebihi kuasa negeri (*state*). Menurut Atory (2013), budaya lompat parti yang berlaku semenjak tahun 1959 ini menunjukkan bahawa sistem politik di Malaysia mengamalkan konsep demokrasi iaitu bebas melakukan amalan melompat parti ini. Seiring dengan kebebasan berpolitik dan menukar parti politik kerana tiada undang-undang yang menyekat perkara ini. Selagi mana pembentukan kerajaan tidak dapat dilakukan kerana majoriti mudah maka menukar parti adalah dibenarkan.

Oleh itu, pada 5 Oktober 2022, sebuah akta berkaitan Akta Lompat Parti secara sah telah digazetkan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (Akta A1663) merupakan sebuah akta yang baru digubal bagi menghalang ahli-ahli parlimen daripada menukar parti atau keluar dari



parti (Berita Harian, 2022). Kebanyakkan ahli parlimen bersetuju untuk menggubal Akta Lompat ini kerana isu lompat parti sering menjadi perbahasan dalam Dewan Rakyat (Hansard Dewan Rakyat, 2022). Akta Lompat Parti yang digazetkan ini bertujuan untuk membendung daripada ahli politik daripada menukar parti seperti mana yang berlaku pada PRU sebelum ini. Walaupun akta ini baru digazetkan, namun kajian ini adalah perlu bagi melihat reaksi masyarakat umum terutamanya dari perspektif mahasiswa di UPSI tentang amalan lompat parti ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Amalan lompat parti dalam kalangan ahli politik atau wakil rakyat ini bukanlah satu perkara yang baru. Namun ia merupakan satu perkara yang memberi kejutan sehingga menimbulkan spekulasi yang dahsyat dalam arena politik di Malaysia pada 2018 yang lalu. Isu ini merupakan satu isu yang menggemparkan kerana sebelum ini isu ini telah banyak kali berlaku dan ia mempunyai hubung kaitnya dengan hegemoni Barisan Nasional selama 63 tahun. Di dalam penulisan Muhd Umar (2012) dalam *Elected Members and the Right to Change Party* ada diketengahkan bahawa amalan lompat parti ini dianggap sebagai satu “pembelotan” dilakukan oleh ahli politik yang dipilih untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pentadbir kerajaan. Beliau merujuk kepada isu pembentukan undang-undang anti-lompat parti dalam kalangan wakil rakyat ini.

Permasalahan pertama ialah definisi amalan lompat parti yang tidak jelas ini menjadi asas kepada kajian ini di mana begitu banyak pendapat tentang amalan lompat parti. Wan Junaidi (2022) mengatakan terdapat tiga istilah atau definisi mengenai



lompat parti ini. Pertama, jika seseorang ahli Parlimen yang menyertai mana-mana parti politik semasa Pilihan Raya dan menukar parti atau keluar sebagai ahli Parlimen bebas, maka ia dikategorikan sebagai lompat parti. Kedua, jika seseorang ahli Parlimen bebas yang memenangi kerusi pada Pilihan Raya dan memutuskan untuk menyertai mana-mana parti politik maka ia dikira sebagai lompat parti kerana pemilihan yang dilakukan terhadapnya oleh pengundi berkemungkinan menolak calon lain yang menyertai mana-mana parti. Ketiga, penggabungan antara sesuatu parti dengan parti politik yang lain ia tidak diistilahkan sebagai lompat parti. Ketiga-tiga istilah dan pendapat sarjana ini tidak dinafikan mempunyai banyak makna dan maksud mengenai amalan lompat parti ini. Namun persoalannya, adakah masyarakat secara umum memamahmi ketiga-tiga konteks ini?

Permasalahan seterusnya, isu amalan lompat parti yang berlaku dalam kalangan ahli politik di Malaysia ini menimbulkan kebimbangan dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Amalan lompat parti ini digambarkan sebagai satu amalan yang menunjukkan sisi permainan politik yang “kotor” di mana masyarakat di negara ini melihat bahawa isu ini lebih kepada memuaskan nafsu ahli politik sahaja. Tambahan pula, isu ini semakin hangat dibincangkan dalam kalangan golongan belia yang lantang menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap tindakan sesetengah ahli politik yang melakukan amalan lompat parti ini di media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Twitter* dan juga *Instagram*. Mereka menyifatkan bahawa permainan politik ini hanyalah satu medium untuk menagih kekayaan dan kuasa secara mudah.

Pengetahuan masyarakat mengenai amalan lompat parti ini dilihat adalah pada tahap rendah terutamanya dalam kalangan mahasiswa. Sebuah kajian iaitu Norshamliza



(2019) menjalankan kajian dalam kalangan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana mendapati bahawa pengetahuan politik mahasiswa adalah pada tahap sederhana tinggi. Selain itu, Kamarul (2018) mengatakan bahawa pengetahuan politik dalam kalangan mahasiswa adalah pada tahap rendah di mana mereka tiada masa untuk mengambil tahu perkembangan politik semasa melainkan mereka dari jurusan Undang-undang atau Sains Politik sahaja.

Permasalahan kajian ini menjadi elemen penting kepada pembentukan objektif kajian di mana pengkaji menumpukan kepada tiga objektif utama iaitu pertama, mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa tentang amalan lompat parti. Kedua, mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa dan ketiga untuk menganalisis kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa. Oleh itu di dalam kajian ini, pengkaji berhasrat untuk memfokuskan kepada pandangan golongan mahasiswa tentang amalan lompat parti ini dari pelbagai sudut memandangkan mereka ini dianggap sebagai satu golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat tertinggi.





1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan rumusan hasil daripada permasalahan di atas, persoalan yang ingin dibangkitkan oleh pengkaji melalui kajian ini adalah seperti mana yang berikut:

- i. Apakah tahap kefahaman mahasiswa tentang amalan lompat parti yang dilakukan dalam kalangan ahli politik ini?
- ii. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya amalan lompat parti dalam kalangan ahli politik dari perspektif mahasiswa?
- iii. Apakah kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa?



1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab kepada permasalahan kajian di atas, terdapat tiga objektif utama yang ditetapkan oleh pengkaji sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini:

- i. Mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa tentang amalan lompat parti.
- ii. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa.
- iii. Menganalisis kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa.





1.5 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada bidang politik yang dispesifikan kepada isu semasa iaitu isu amalan lompat parti dalam kalangan ahli politik selepas pelaksanaan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Kajian ini tertumpu kepada pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana pengkaji ingin mengkaji pengetahuan mahasiswa di institusi ini di mana rata-rata mahasiswa sudah layak mengundi dan ini untuk melihat tahap kefahaman mereka terhadap perkembangan politik di Malaysia yang memfokuskan kepada amalan lompat parti ini. Universiti ini terdiri daripada 9 buah fakulti iaitu Fakulti Sains Kemanusiaan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pembangunan Manusia, Fakulti Sains dan Matematik, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Fakulti Sains

Sukan dan Kejurulatihan dan juga Fakulti Teknikal dan Vokasional.




Pengkaji memilih Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terletak di Tanjung Malim, daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan. Universiti ini seluas 64 hektar (UPSI, 2021). Universiti ini mempunyai dua buah kampus iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJ) dan Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS). Universiti ini dibuka pada tahun 1922. Nama asal sebelum Universiti Pendidikan Sultan Idris ini, UPSI diberi nama oleh Sir George Maxwell iaitu SITC (*Sultan Idris Teaching Collage*) pada tahun 1922 sehingga tahun 1957. Seterusnya ditukarkan kepada MPSI iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris sehingga tahun 1987 dan kepada IPSI sehingga tahun 1997. Akhirnya ditukarkan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari 1997 sehingga kini. Canselor bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris ialah Duli Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Zara Salim iaitu Raja Permaisuri negeri Perak. Timbalan Naib



Canselor kini dipegang oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Md. Amin bin Md. Taff. Jumlah terkini mahasiswa di UPSI adalah anggaran seramai 29 233 orang (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022). Universiti merupakan universiti yang menawarkan program pendidikan dan juga bukan pendidikan.

Rajah 1.1 di bawah merupakan peta bagi Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Rajah 1.1 Peta Univerisiti Pendidikan Sultan Idris

Sumber: Google Maps

Dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada tiga objektif. Pertama, pengkaji ingin mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa tentang amalan lompat parti. Kedua, pengkaji ingin mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa dan terakhir iaitu ketiga, pengkaji ingin menganalisis

kesan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa. Sampel dibataskan kepada mahasiswa yang sedang menjalani pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan berstatus aktif sahaja. Responden yang diperlukan adalah sebanyak 100 orang sahaja. Kajian ini mempunyai limitasi kajian yang agak terhad kerana pengkaji memerlukan responden yang terpilih sahaja. Antara kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini ialah responden daripada pelbagai fakulti sukar untuk melibatkan diri dalam kajian ini kerana tidak mempunyai kenalan dari beberapa buah fakulti yang berbeza ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk dijalankan kerana ia bertujuan untuk menambah maklumat baru kepada semua pengkaji yang sedang menjalankan kajian berkenaan dengan isu ini memandangkan isu ini. Rujukan seperti artikel, jurnal maupun kajian literatur berkenaan isu ini masih lagi kurang. Kebanyakkan kajian yang ditulis tidak memfokuskan kepada isu yang dikaji. Selain itu, tiada lagi kajian yang mengkaji tentang perspektif mahasiswa mengenai isu lompat parti ini. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji pada masa akan datang untuk menambahkan lagi meklumat dan memberi pengetahuan kepada mereka. Dengan adanya kajian ini, isu berkenaan amalan lompat parti ini dapat memberikan cambahan idea kepada pengkaji lain untuk melihat sama ada isu amalan lompat parti ini sebagai satu perkara yang positif atau perkara yang negatif.



Seterusnya, kajian ini juga dapat digunakan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu lompat parti ini. Hal ini kerana, masih ramai lagi yang tidak peka tentang isu lompat parti ini terutama golongan warga emas yang masih berpayungkan zaman hegemoni Barisan Nasional terdahulu. Ini dianggapkan sebagai perkara yang tidak seharusnya berlaku kerana isu lompat parti ini semakin giat berlaku dalam kalangan ahli politik dan ia dikhuatiri akan menyebabkan keraguan dalam kalangan pengundi. Oleh itu, kajian ini boleh digunakan sebagai bahan bacaan untuk menambahkan lagi ilmu dan membuka mata masyarakat tentang isu ini serta impaknya walaupun kajian ini memfokuskan kepada perspektif mahasiswa sahaja. Selain itu juga, kajian ini bertujuan untuk membantu kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan politik dan masalah kerajaan.



1.7 Definisi Operasional

Pada bahagian ini, istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini akan diperjelaskan satu persatu mengikut turutan bagi tajuk kajian ini.

1.7.1 Lompat Parti

Menurut Wan Junaidi (2022) mengistilahkan definisi lompat parti ini kepada tiga iaitu satu, ahli Parlimen memenangi kerusi dan dipecat oleh pasrti, kedua, ahli Parlimen memenangi kerusi Pilihan Raya dan memilih untuk menukar parti atau menjadi ahli parti bebas dan ketiga gabungan parti politik yang bergabung untuk membentuk parti gabungan. Namun dalam kajian ini, pengkaji menetapkan salah satu daripada tiga





istilah yang dinyatakan iaitu lompat parti bermaksud seseorang ahli Parlimen yang memenangi kerusi ketika Pilihan Raya yang dijalankan dan bertindak menukar parti atau keluar dari parti menjadi ahli Parlimen bebas dianggap sebagai lompat parti.

1.7.2 Ahli Politik

Menurut *Cambridge Dictionary*, ahli politik didefinisikan sebagai orang atau individu yang menjadi ahli kerajaan yang atau penggubal polisi dan undang-undang di sesebuah negara. Ahli politik ini merupakan individu yang terlibat dalam sistem pemerintahan di sesebuah negara dan mempunyai kuasa dalam menjalankan sebarang aktiviti politik. Di dalam kajian ini, ahli politik didefinisikan sebagai seseorang yang berkhidmat secara aktif sebagai ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri (DUN).



1.7.3 Perspektif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perspektif didefiniskan sebagai satu tafsiran yang wajar. Perspektif ini juga sinonim dengan sudut pandang atau *point of view* (P.O.V). Perspektif setiap individu adalah unik dan berbeza dan dipengaruhi oleh situasi sekelilingnya. Maksud perspektif dalam kajian ini ialah pandangan individu terhadap sesuatu perkara isu dan bagaiman penerimaan individu tersebut terhadap itu.





1.7.4 Mahasiswa

Mahasiswa merupakan adalah orang yang belajar di sekolah tingkat perguruan yang tinggi dan mempersiapkan dirinya untuk suatu keahlian peringkat Sarjana (Budiman, 2006). Mahasiswa ini meliputi kepada mereka yang menyambung pengajiannya di peringkat Sarjana Muda terutamanya (termasuk juga mereka yang menyambung pengajian di peringkat Diploma di IPT). Maksud mahasiswa dalam kajian ini ialah individu yang sedang menyambung pengajian pada peringkat Sarjana Muda, terdiri daripada pelajar daripada pelbagai Fakulti dan mereka ini terdiri daripada golongan yang berfikir aras tinggi.





1.8 Organisasi Bab

Penulisan kajian ini perlu disusun mengikut bab selaras dengan format dan prosedurnya. Ianya amat penting bagi menjamin kualiti penulisan ini sebagai sebuah penulisan ilmiah. Penulisan ini telah dibahagikan mengikut bab dan penulisan kajian ini mengandungi sebanyak lima bab dan ia akan diperincikan seperti di bawah.

Bab 1 ialah pengenalan yang mana ia memberi gambaran awal tentang kajian yang ingin dijalankan. Di dalam bab ini dibahagikan kepada sembilan bahagian iaitu pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi atau istilah operasional dan juga organisasi bab. Ia disusun mengikut keutamaan dalam penulisan disertasi.



Bab 2 menerangkan berkenaan kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan tema kajian iaitu mengenai isu amalan lompat parti. Bahagian ini dikenali sebagai sorotan atau kajian literatur. Kajian-kajian lepas yang dipilih ini dipilih berdasarkan kesesuaian untuk dijadikan rujukan dalam menjalankan kajian ini. Kajian lepas ini diperoleh dalam pelbagai sumber seperti artikel, jurnal, tesis, makalah, buku-buku, dan sumber internet. Pembacaan yang dilakukan akan ditulis pada bahagian ini yang mengandungi kerangka teori, konsep dan penutup. Rumusan akan dibuat pada akhir bab ini.

Bab 3 merupakan bahagian yang akan menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam memperoleh data dan maklumat bagi kajian ini. Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan tentang reka bentuk kajian yang





digunakan, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, analisis data dan rumusan. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian berbentuk pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik. Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden terpilih sahaja.

Bab 4 mengandungi ketiga-tiga objektif kajian yang akan menjadi hasil dapatan kajian ini dan sekali gus menjadi garis panduan untuk pengkaji mendapatkan data-data. Di dalam bab ini, ketiga-tiga objektif akan dianalisis dengan teliti dan diterjemahkan dalam bentuk numerikal. Objektif pertama iaitu tahap kefahaman mahasiswa tentang amalan lompat parti akan dibincangkan dalam bab ini. Objektif kedua kajian ini ialah faktor-faktor yang mempengaruhi tentang amalan lompat parti dari perspektif mahasiswa dan objektif yang ketiga dan terakhir iaitu kesan amalan lompat parti terhadap pembangunan politik dari perspektif mahasiswa. Kaedah analisis data yang digunakan akan dinyatakan dalam bab ini.

Bab 5 merupakan bahagian yang mengandungi perbincangan dan cadangan penambahbaik secara menyeluruh mengenai isu amalan lompat parti dalam kalangan ahli politik dari perspektif mahasiswa. Pada bahagian ini juga pengkaji mengutarakan cadangan iaitu penglibatan mahasiswa dalam bidang politik seiring dengan isu amalan lompat parti ini.

